

Dana bantu mangsa gempa cecah RM50 juta

Kuala Lumpur: Dana bantuan kemanusiaan Malaysia bagi membantu mangsa gempa bumi di Turkiye dan Syria kini sudah mencapai RM50 juta, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketika memberikan penerangan di Dewan Rakyat semalam, Perdana Menteri berkata, RM40 juta akan disumbangkan ke Turkiye, manakala RM10 juta kepada Syria.

Bagi merakamkan penghargaan kepada penyumbang, Perdana

Menteri menamakan sejumlah penyumbang yang terdiri daripada syarikat tempatan, badan bukan kerajaan dan universiti.

Katanya, antara penyumbang terbesar adalah Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) yang menyumbang lima juta euro (RM23.5 juta), Yayasan Al-bukhary sebanyak RM10 juta dan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) sebanyak RM 4.4 juta.

Selain itu, Brahim's Dewina

Group, dengan sumbangan pek makanan berjumlah RM3 juta, YTL Corporation Berhad (RM2 juta), Yayasan Sime Darby (RM 1.5 juta), Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA) (sarung tangan perubatan berjumlah RM 1.2 juta), NGO India Muslim melalui Yayasan Pendidikan Islam (RM1.5 juta) dan Kuala Lumpur Kepong Berhad (RM1 juta).

Tenaga Nasional Berhad (TNB), FGV Holdings Berhad,

Berjaya Group dan 101 corporation Berhad, masing-masing RM500,000; Ranthill Holdings Berhad (RM300,000) dan Microlink Solutions Berhad serta YHA Travel & Tours (M) Sdn Bhd, masing-masing RM100,000.

"Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar ialah antara yang terawal menghulurkan AS\$1 juta (RM4.4 juta).

"Kita juga tidak boleh remehkan keikhlasan anak-anak universiti kita daripada Universiti

Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), berjumlah RM2,000, yang dikumpul daripada pelajar dan staf," katanya.

Perdana Menteri berkata, Jemaah Menteri pada minggu lalu, meluluskan AS\$1 juta untuk disumbangkan kepada Turkiye.

"Bagaimanapun, pada sidang Jemaah Menteri, Jumaat ini, saya akan usulkan pertimbangan untuk menambah sedikit lagi, berikutan keadaan yang sangat gawat di sana," katanya.